

Tawaran menarik UnisZA

■ Pengecualian yuran bagi proses permohonan Pusat Pengajian Siswazah

Oleh **Hamzah Badran**
hamzah@hmetro.com.my

Pusat Pengajian Siswazah (PPS) Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) akan mengadakan pendaftaran secara terbuka bagi pengajian peringkat pascasiswazah di Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu yang terletak di Jalan Makrab, Pengkalan Chepa, Kelantan pada 2 hingga 3 Ogos ini.

Justeru, bagi calon yang berminat melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD) sama ada secara mod penyeldikan atau mod kerja kursus ditempuh ke Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu pada tarikh berkenaan.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UnisZA, Prof Dr Mahadzirah Mohamad, calon juga boleh membuat permohonan secara dalam talian dengan memilih fakulti atau institut penyeld-

dikan berkaitan sesuai dengan bidang pengajian masing-masing.

Beliau juga menasihatkan calon supaya membawa sahliah ijazah yang disahkan dan bagi calon yang berjaya nanti, surat tawaran kemasukan akan terus dikeluarkan pada hari itu juga.

“PPS UnisZA ada membuat tawaran menarik dalam tempoh itu dengan pengecualian bayaran bagi proses permohonan.

“Calon yang mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima tahun dalam bidang berkaitan, tetapi mempunyai Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) kurang daripada kelayakan minimum boleh dipertimbangkan untuk kemasukan ke program sarjana secara penyeldikan atau kerja kursus.

“Program Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) secara kerja kursus bagi pengambilan kedua ditawarkan kepada calon untuk ke-10 masuk Oktober tahun ini

dan untuk program Sarjana Kewangan Islam (di bawah Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan) dan Sarjana Teknologi Maklumat (di bawah Fakulti Informatik dan Komputeran) dijangka akan ditawarkan mulai September nanti,” katanya.

Sementara itu, Dekan PPS UnisZA Prof Dr Mustafa Mat berkata, terdapat pelbagai bidang pengajian yang ditawarkan oleh UnisZA melalui 10 fakulti dan tiga institut penyeldikan iaitu Fakulti Informatik dan Komputeran, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan, Fakulti Pengajian Kontempori Islam, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi, Fakulti Sains Sosial Gu-

naan, Fakulti Perubatan dan Fakulti Sains Kesihatan.

“Tiga pusat penyeldikan UnisZA yang turut menawarkan program Sarjana dan

PhD yang berasaskan kepada penyeldikan bertokus ialah Institut Penyeldikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), Institut Penyeldikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPRIE) dan Institut Pembangunan Komuniti dan Kualiti Hidup (i-CODE).

“Dalam menghadapi perubahan pesat ekonomi global, Malaysia memerlukan rakyat yang berpendidikan sepanjangan hayat serta terbuka kepada perubahan, mempunyai idea dan pandangan baru, gaya dan juga pendekatan lebih produktif bagi menangani perubahan per-

sekitaran semasa.” katanya.

Syarat kemasukan ke program siswazah UnisZA adalah seperti berikut:

Bagi Program Sarjana

- CGPA 2.75 ke atas atau
- CGPA 2.50 hingga 2.75, memerlukan 3 tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan atau
- CGPA kurang dari 2.50, memerlukan sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan.

Catatan: Bagi kemasukan ke program Sarjana Undang-Undang, kelayakan minimum ialah CGPA 3.0.

Bagi Program PhD

- Mempunyai ijazah sarjana yang ditiktiraf oleh Senat UnisZA.

“PPS UnisZA ada membuat tawaran menarik dalam tempoh itu dengan pengecualian bayaran bagi proses permohonan”

Dr Mahadzirah Mohamad

